

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KESEPULUH**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31 Mei 2001

SOALAN

YB Haji Rosli Bin Mat Hassan minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA menyatakan berapakah dan apakah jabatan di bawah Kementerian ini dan sejauh manakah ianya dilihat bertindih dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, Kementerian Pembangunan wanita dan Keluarga dipertanggungjawabkan terhadap dua agensi iaitu Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) dan Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN). 2. Tiada pertindihan antara bidang tugas Kementerian ini dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Ini adalah kerana Kementerian ini mempunyai misinya yang tersendiri iaitu untuk memperdanakan wanita dalam pembangunan negara dan memperkuat sistem kekeluargaan bagi melahirkan generasi penduduk yang berkualiti. Sebaliknya pula, fungsi Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat adalah perancangan, pembentukan dasar, perundangan dan pelaksanaan pembangunan mengenai perpaduan negara dan isu kebajikan masyarakat. 3. Sukacita saya memaklumkan bahawa dalam melaksanakan tugasnya, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga akan bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk agensi Kerajaan. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat adalah salah satu agensi yang penting dalam konteks ini.

